

TRANSFORMASI USAHAWAN BELIA BUMIPUTERA DARIPADA TAHAP MIKRO KE PERUSAHAAN KECIL & SEDERHANA (PKS)

Saridan Abu Bakar

Perusahaan mikro serta kecil dan sederhana (PKS) memainkan peranan yang penting dalam ekonomi Malaysia. Perniagaan mikro khususnya dianggap penting sejak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971 yang bertujuan mengurangkan jurang sosioekonomi di antara kaum di samping mengurangkan kadar kemiskinan dalam kalangan Bumiputera melalui aktiviti perniagaan. Jabatan Statistik Malaysia melaporkan pada tahun 2004 bahawa majoriti (60%) daripada perniagaan di Malaysia adalah terdiri daripada perniagaan mikro berbanding dengan perniagaan kecil (28%) dan sederhana (9%). Perniagaan mikro juga merupakan tulang belakang kepada ekonomi Malaysia walaupun menghadapi pelbagai masalah untuk berkembang. Kebanyakannya dimiliki dan diuruskan sebagai perniagaan keluarga serta banyak bergantung kepada sumber kewangan sendiri. Sehubungan itu, transformasi perniagaan mikro kepada IKS adalah perlu untuk menjamin kelestarian ekonomi Malaysia. PKS dianggap penting kepada pembangunan ekonomi Malaysia yang banyak menyumbang kepada peluang pekerjaan (56%) dan eksport negara (19%). Sumbangan IKS kepada ekonomi negara juga dapat dilihat sebagai penstabil kepada situasi sosial dan politik negara. Di samping itu, PKS juga banyak dikaitkan dengan sumbangan mereka kepada aktiviti inovasi melalui penghasilan produk dan proses baru.

Kemajuan dan kesinambungan negara di masa hadapan amat bergantung kepada kualiti generasi belia yang ada pada hari ini. Golongan belia merupakan pemangkin kepada aspek kemajuan dan kelestarian masa hadapan negara daripada aspek ekonomi, politik dan sosial. Belia merupakan populasi terbesar negara dan mereka akan mewarisi pucuk pimpinan negara di masa akan datang. Belia juga berperanan sebagai penyumbang kepada pembangunan negara melalui pengisian tenaga kerja dan juga bertindak sebagai tulang belakang sesebuah negara yang sedang membangun. Belia juga seringkali dikaitkan dengan kekuatan fizikal, ketajaman dan kesungguhan untuk mencuba sesuatu bidang yang mereka minati. Justeru, kajian ini bertujuan untuk membangunkan profil usahawan belia yang berada pada tahap PKS di samping menyiasat keupayaan mereka daripada aspek meneroka peluang pasaran baru, penggunaan teknologi maklumat dan komputer (ICT), aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R&D&C), serta tahap inovasi PKS.

Kajian yang pernah dijalankan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) pada tahun 2011 mendapati terdapat beberapa perkara utama yang diperlukan oleh belia masa kini iaitu pekerjaan, rumah, kewangan, pendidikan dan pengangkutan. Rumusan kajian tersebut menunjukkan kecenderungan belia lebih kepada aspek ekonomi. Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengkaji tahap transformasi perusahaan mikro milikan usahawan belia bumiputera kepada PKS bagi tahun 2012 hingga 2014 untuk menilai sumbangan belia kepada ekonomi negara.

SKOP KAJIAN

Bab ini akan memberi fokus kepada kajian tahap transformasi perusahaan mikro milikan usahawan belia bumiputera kepada PKS pada tahun 2012 hingga 2014. Belia pula merujuk kepada semua individu warga Malaysia yang berumur di antara 15 hingga 30 tahun pada tahun 2015. Kajian dijalankan secara rentasan masa mulai bulan September hingga Disember 2015. Dfinisi PKS dan perusahaan mikro adalah menurut Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp).

OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat lima (5) objektif utama kajian iaitu:

- a. Menilai faktor demografi usahawan PKS belia bumiputera;
- b. Menilai faktor demografi perniagaan usahawan PKS belia bumiputera;
- c. Menilai prestasi perniagaan usahawan PKS belia bumiputera;
- d. Menilai potensi perniagaan belia PKS belia bumiputera;
- e. Membangunkan direktori usahawan PKS belia bumiputera

SOROTAN LITERATUR

Tinjauan literatur mendapati bahawa antara faktor yang mempengaruhi prestasi perniagaan PKS adalah keupayaan usahawan meneroka peluang pasaran baru. Namun, sebelum usahawan meneroka peluang, mereka perlu berupaya mengenal pasti peluang tersebut. Menurut De Koning dan Brown (2001), mengenal pasti peluang berkait rapat dengan ciri-ciri keusahawanan yang dimiliki usahawan berkenaan. Ciri-ciri keusahawanan menentukan objektif dan motivasi usahawan yang seterusnya menentukan prestasi perniagaan mereka. Ciri-ciri keusahawanan yang dimaksudkan termasuk bersikap inovatif, proaktif, mengambil risiko, berdaya saing and berautonomi (Dess, Lumpkin & McFarlin, 2005).

Selain daripada itu, usahawan juga perlu mempunyai pengetahuan mengenai pasaran yang akan dimasuki, kemahiran di dalam aspek pemasaran dan pengurusan, serta berkeupayaan untuk mengenal pasti dan merebut peluang-peluang yang wujud di pasaran. Secara umumnya ciri-ciri keusahawanan ini perlu digembeling dengan ketekunan dan keinginan kental untuk memajukan diri. Ciri positif dalam diri usahawan ini akan memberikan kesan positif kepada perkembangan dan kemajuan perniagaan mereka (Lee & Eric, 2001).

Keupayaan Meneroka Pasaran Baru

Keupayaan pemasaran adalah proses kompleks yang melibatkan penggabungan pengetahuan pasaran dan sumber PKS untuk menjana nilai tambah melalui pasaran baru. Selain daripada itu, keupayaan pemasaran juga bertujuan untuk memenuhi keperluan pasaran kepada produk yang dikeluarkan oleh PKS serta menyesuaikan diri dengan keadaan pasaran yang dinamik (Vorhies, 1998). Justeru, keupayaan meneroka pasaran baru akan berjaya apabila usahawan dapat menggunakan pengetahuan dan pengalamannya mengenai pelanggan, pasaran serta persekitaran. Di samping itu, sumber-sumber yang ada pada perniagaan juga turut dapat membantu dan meningkatkan daya saing perniagaan (Tsai & Shih, 2004; Vorhies, 1998). Dengan meningkatnya keupayaan PKS untuk meneroka pasaran baru maka lebih tinggi tahap kejayaan yang dicapai dalam perniagaan tersebut.

Secara umumnya pasaran bagi PKS di Malaysia lebih tertumpu dalam pasaran tempatan (Bernama, 2015). Walaupun PKS menyumbang 98.5% daripada perniagaan negara, kajian mendapati sumbangan

PKS menyumbang kepada jumlah eksport negara pada tahap 19.9% sahaja. Justeru, kerajaan telah mensasarkan peningkatan kepada 25% menjelang 2020. Oleh yang demikian, keupayaan untuk meluaskan pasaran baru merupakan indikasi transformasi usahawan belia daripada mikro kepada PKS.

Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

Kajian terdahulu mendapati bukan semua PKS perlu menggunakan ICT (Kotelnikov, 2007). Ini kerana terdapat bidang tertentu yang menentukan tahap penggunaan ICT terhadap PKS. Tan, Chong, Lin dan Eze (2010) mendapati perusahaan mikro serta yang bergiat di dalam sektor perkhidmatan kurang memperoleh faedah daripada penggunaan ICT.

Kajian juga mendapati PKS menghadapi dilema apabila perlu membuat keputusan untuk menggunakan ICT disebabkan oleh kekangan kos, keselamatan, serta pengetahuan. Oleh yang demikian, kebanyakan PKS didapati tidak atau pun lambat menggunakan ICT. Seterusnya, kajian juga mendapati penggunaan ICT dalam kalangan PKS tidak meningkatkan pergantungan mereka kepada tenaga pekerja ataupun peningkatan prestasi.

Walaupun bagaimanapun, dapatan kajian yang lebih terkini menunjukkan bahawa penggunaan ICT didapati menyumbang kepada kejayaan perniagaan, termasuk PKS (Tonatzky & Fleischer, 1990; Kendall, Tung, Chua, Ng, & Tan, 2001). Kajian yang dijalankan oleh Ghobakhloo, Aranda dan Arando (2011) terhadap gunapakai e-dagang oleh PKS di Iran telah berjaya meningkatkan tahap kebolehan bersaing, inovatif dan kebolehan usahawan. Seterusnya, Kendall, Chua, Ng dan Tan (2001) mendapati PKS di Indonesia yang menggunakan ICT turut meningkatkan prestasi perniagaan mereka. Usahawan yang menggunakan ICT secara meluas dalam perniagaan mereka dikaitkan dengan ciri-ciri pengambil risiko, inovatif dan kreatif (Zappala & Gray, 2006). Usahawan yang mempunyai ciri-ciri seperti ini lebih berinovatif serta mampu menyumbang kepada peningkatan prestasi PKS (Al-Qirim, 2007; Ghobakhloo, Aranda, & Amado, 2011).

Walaupun PKS menghadapi kekangan di dalam menggunakan ICT di dalam operasi perniagaan mereka, kajian terkini turut menunjukkan bahawa bantuan dan insentif yang diberikan oleh kerajaan terutama dalam aspek latihan, infrastruktur, bantuan kewangan, dan peraturan telah banyak membantu mengatasi kekangan ini (Rini, Hartoyo, Heny, & Bustanul, 2015).

Aktiviti Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan (R&D&C)

Aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R&D&C) adalah pelaburan modal dalam aspek pengetahuan bagi PKS (Czarnitzki, 2006). Soutaris (2002) mendapati bahawa kewujudan jabatan khusus untuk R&D dalam sesetengah sektor perniagaan di Iran telah membuahkan produk yang inovatif.

R&D&C juga dikenalpasti sebagai faktor utama yang menyumbang kepada pembangunan dan pembaharuan produk dan proses yang berterusan dalam perniagaan hari ini. Kajian juga menunjukkan syarikat-syarikat di China telah mengembangkan aktiviti R&D&C mereka sebagai langkah untuk menghadapi persaingan yang sengit hari ini (Lee & Hall, 2009). Aktiviti R&D&C dilihat sebagai strategi perniagaan untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan keupayaan teknikal mereka (Zhu & Chen, 2005).

Dapatan kajian yang dijalankan di China juga telah mendapati hubungan yang positif di antara aktiviti R&D&C dengan prestasi perniagaan 240 syarikat yang didagangkan di Bursa Saham Shenzhen (Liang & Yan, 2006). Dapatan yang sama juga turut ditunjukkan oleh beberapa pengkaji yang lain di mana pelaburan yang dibuat dalam aktiviti berkaitan R&D&C telah meningkatkan keuntungan (Xu & Tang, 2010).

Sementara itu, keberkesanan aktiviti R&D&C di dalam meningkatkan prestasi perniagaan dapat dilihat melalui penghasilan produk atau proses yang inovatif sesuai dengan kehendak pelanggan. Dapatan kajian juga telah menunjukkan bahawa 303 syarikat farmasutikal di barat telah menunjukkan peningkatan prestasi melalui penghasilan produk yang lebih inovatif (Hunter, 2003).

Aktiviti Inovasi

Inovasi merujuk kepada proses menghasilkan produk atau pun proses yang baru (Zaltman, Duncan & Holbeck, 1973). Proses merujuk kepada kaedah pengeluaran, sistem pengurusan serta pentadbiran, struktur organisasi dan kaedah pemasaran yang dilaksanakan oleh PKS (Brem & Voigt, 2009; Calantone, Cavusgil & Zhao, 2002); North & Smallbone, 2000). Aktiviti inovasi juga turut dikaitkan dengan tahap kebolehan dan kesediaan PKS terhadap idea baru dan budaya berinovasi (Hurley & Hult, 1998). Justeru, inovasi menitikberatkan pengwujudan perniagaan baru di dalam perniagaan sedia ada ataupun pembaharuan terhadap perniagaan semasa yang lembap dan memerlukan perubahan (Slater, 1997).

Aktiviti inovasi di sektor PKS merupakan strategi untuk menghasilkan produk atau proses baru (Brem & Voigt, 2009; Lazonic & O'Sullivan, 2000). Kebanyakan PKS menghasilkan produk atau proses baru melalui penambahbaikan produk sedia ada untuk menggalak atau meningkatkan lagi prestasi mereka. Justeru, kemampuan PKS melaksanakan aktiviti inovasi di dalam menghasilkan produk ataupun proses baru akan memberikan kesan yang positif terhadap prestasinya. Zahra et al., (1999) mendapati sumbangan aktiviti inovasi terhadap prestasi perniagaan semakin jelas sekarang di dalam kebanyakan industri serta sektor perniagaan. Aktiviti inovasi juga didapati dapat mengukuhkan lagi kelebihan bersaing PKS serta turut membantu kelangsungan hidupnya (Gunasekaran, Forker & Kobu, 2000; Sanz-Valle & Jimenez-Jimenez, 2011).

PKS juga sering dikaitkan dengan aktiviti inovasi kerana didapati lebih fleksible untuk menawarkan produk atau proses mengikut kehendak dan keperluan pelanggan yang khusus berbanding dengan perniagaan besar (O'Regan, Ghobadian & Sims, 2006). Dalam perkara ini, PKS mampu memenuhi keperluan pasaran dengan memberi tumpuan hanya kepada sebilangan kecil pelanggan mereka sahaja (Adams & Hall, 1993; Rothwell & Zegveld, 1982). Kejayaan sesebuah PKS juga amat bergantung kepada sejauhmana kebolehan usahawan di dalam menggembeling semua sumber yang ada serta menyesuaikan sumber tersebut dengan suasana persekitarannya untuk menghasilkan produk atau proses yang dapat menepati kehendak pelanggan (Knights & McCabe, 1997; Eisenhardt & Martin, 2000; Lopez, 2005). Oleh itu, kebolehan bersaing yang lestari dapat dihasilkan bagi PKS berkenaan (Ali, Peters, He & Lettice, 2010; Hult, Hurley & Knight, 2004). Adalah penting bagi PKS untuk bertindak segera melalui aktiviti inovasi terhadap kehendak pelanggan mereka di samping terus mencipta dan mengubahsuai produk atau proses terkini yang bersesuaian (Chidamber & Kon, 1994).

Aktiviti inovasi yang dilaksanakan oleh PKS juga harus tertumpu kepada usaha untuk menambahbaik serta meningkatkan kebolehan bersaingnya bagi meningkatkan lagi prestasi semasa (Akman & Yilmaz, 2008; Guan & Ma, 2003). PKS seharusnya sentiasa menggunakan serta menghasilkan produk atau proses yang berinovatif sepanjang masa bagi menjamin kelangsungan hidupnya di dalam suasana persekitaran yang kompetitif dan selalu berubah (Hult et al., 2004). Dalam konteks ini, aktiviti inovasi amat bergantung kepada kebolehan PKS mengenalpasti dan mencari kaedah atau pendekatan terbaru bagi menghasilkan produk atau proses yang benar-benar dikehendaki pasaran. PKS perlu aktif dalam menggabungkan aktiviti inovasi melalui perancangan strategik mereka walaupun menghadapi pelbagai kekangan seperti sumber dan pasaran yang terhad (Gilmore, Galbraith & Mulvenna, 2013; Hadjimanolis, 1999; Cagliano, Blackmon & Voss, 2000; Tether, 1998). Walau bagaimanapun, kelebihan PKS daripada aspek keusahawanan dan fleksibiliti memudahkan mereka merebut peluang dengan menggunakan aktiviti inovasi yang sesuai dengan segera ataupun menghasilkan produk atau proses yang menepati kehendak pengguna semasa dalam masa yang singkat (Mahemba & De Bruijn, 2003).

Dalam kajian yang lain pula, Otero-Neira, Lindman dan Fernandez (2009) mendapati aktiviti inovasi berjaya meningkatkan prestasi perniagaan tetapi bergantung kepada tahap inovasi yang dihasilkan (Forsman & Temel, 2011). Oleh yang demikian, kemampuan PKS di dalam melaksanakan aktiviti inovasi yang efektif dengan menghasilkan produk atau proses terbaru berdasarkan kehendak pasaran begitu penting (Xie, Zeng & Tam, 2011).

Akhir sekali, proses globalisasi yang melanda dunia perniagaan pada hari ini juga turut berkehendak kepada aktiviti inovasi yang pesat bagi sektor PKS supaya usahawan PKS boleh bersaing dengan perniagaan daripada luar negara. Walaupun banyak kegagalan dilaporkan oleh PKS di dalam aktiviti inovasi mereka (O'Regan, Ghobadian & Sims, 2006), namun untuk meningkatkan prestasi serta kelestarian untuk bersaing, PKS di Malaysia perlu aktif dalam aktiviti inovasi; dan ini termasuk PKS dimiliki oleh belia.

KAEDAH

Kajian ini menggunakan pendekatan secara kuantitatif melalui survei terhadap 200 responden belia dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Borang kaji selidik telah diisi menggunakan kaedah bersemuka bagi menjamin ketulenan responden. Secara keseluruhannya, kajian dilaksanakan secara rentasan masa bermula pada bulan September 2015 dan berakhir pada bulan Disember 2015. Kajian melibatkan golongan usahawan belia warganegara Malaysia yang berumur di antara 15 hingga 30 tahun pada tahun 2015 yang dikategorikan sebagai PKS. Oleh yang demikian jumlah sebenar populasi tidak diketahui. Kaedah persampelan yang digunakan mengikut kaedah *Snowball sampling* di mana responden dipilih berdasarkan kepada informasi dan rujukan responden awal. Mengikut kaedah ini, responden diminta merujuk dengan responden yang seterusnya memandangkan mereka lebih arif tentang usahawan yang menepati ciri-ciri PKS yang diperlukan. Kaedah ini juga didapati efektif memandangkan antara maklumat yang sensitif yang perlu diketahui ialah maklumat jualan yang melebihi RM300,000 setahun. Secara keseluruhannya, kajian ini mensasarkan bilangan responden sebanyak 200 orang.

Borang soal selidik telah dibangunkan berasaskan tinjauan literatur dan diperkukuhkan dengan perbincangan bersemuka dalam kumpulan berfokus yang melibatkan usahawan belia daripada pelbagai latar belakang. Seterusnya, kajian rintis secara interaktif telah dijalankan bagi memastikan penggunaan perkataan dan pernyataan setiap item jelas maksudnya dan relevan kepada responden. Pembangunan borang soal selidik juga turut dibantu oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES). Borang soal selidik yang dibangunkan mengandungi lima bahagian iaitu: Bahagian A: Profil diri; Bahagian B: Profil perniagaan; Bahagian C: Sokongan perniagaan; Bahagian D: Pasaran; dan Bahagian E: Penggunaan ICT dan aktiviti (R&D&C) serta inovasi. Seterusnya, pengumpulan data dijalankan sendiri oleh penyelidik dengan dibantu oleh lima orang enumerator di seluruh negara.

HASIL DAPATAN

Dapatan kajian menunjukkan sebahagian besar responden kajian adalah dari Sarawak. Majoriti adalah perempuan, mempunyai kelayakan di peringkat sijil dan bergraduasi pada tahun 2006. Sementara itu, daripada aspek perniagaan pula, sebahagian besar PKS adalah berbentuk perniagaan perseorangan, dimiliki oleh seorang pemilik, merupakan perniagaan baru yang dimulakan selepas tahun 2011, bergiat di dalam sekor perkhidmatan serta mempunyai pekerja mahir.

Kajian melibatkan seluruh belia di Malaysia yang berumur 15 hingga 30 tahun. Secara keseluruhannya seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 berikut, majoriti responden adalah dari Sarawak (20.6%), diikuti 19.1% dari Perlis dan Selangor sebanyak 15.7%. Sementara itu, jumlah

responden yang paling kurang adalah dari Pulau Pinang (1%). Ini menunjukkan bahawa responden kajian kebanyakannya adalah dari Sarawak dan yang paling sedikit dari Pulau Pinang.

Jadual 1: Responden mengikut Negeri

	Frekuensi	%		Frekuensi	%
Johor	18	8.8	Perlis	39	19.1
Kedah	8	3.9	Pulau Pinang	2	1
Melaka	7	3.4	Sabah	19	9.3
Negeri Sembilan	15	7.4	Sarawak	42	20.6
Pahang	3	1.5	Selangor	32	15.7
Perak	13	6.4	WP	6	2.9
Jumlah 204 (100%)					

Analisis data dalam Jadual 2 pula menunjukkan bahawa responden terdiri daripada 57 orang belia lelaki dan 147 orang belia perempuan. Kebanyakan daripada responden bergraduasi dalam tahun 2006 (19.1%), diikuti 18.6% bergraduasi dalam tahun 2005 dan 2008 dan 10.8% dalam tahun 2007. Hanya sebilangan kecil responden iaitu sebanyak 4.4% bergraduasi dalam tahun 2009 dan 2013. Ini menunjukkan kebanyakan responden bergraduasi dalam tahun 2006 dan yang paling kurang dalam tahun 2009 dan 2013.

Jadual 2: Demografi Responden

	Frekuensi	Peratus		Frekuensi	%
Jantina					
Lelaki	57	27.9			
Perempuan	147	72.1			
Tahun Bergraduasi					
	Frekuensi	%		Frekuensi	%
2005	38	18.6	2010	17	8.3
2006	39	19.1	2011	12	5.9
2007	22	10.8	2012	20	9.8
2008	38	18.6	2013	9	4.4
2009	9	4.4			
Jumlah 204 (100%)					

Pendaftaran Perniagaan

Maklumat kajian dalam Jadual 3 menunjukkan bahawa kebanyakan responden mendaftarkan perniagaan mereka secara perseorangan (58.3%), diikuti oleh 24% yang mendaftarkan sebagai perkongsian dan 17.6% sebagai Sendirian Berhad (Sdn. Bhd). Ini menunjukkan majoriti daripada responden mendaftarkan perniagaan mereka sebagai perkongsian dan sebilangan kecil sebagai Sendirian Berhad (Sdn. Bhd).

Jadual 3: Pendaftaran Perniagaan

	Frekuensi	Peratus
Perkongsian	49	24.0
Perseorangan	119	58.3
Sdn. Bhd.	36	17.6
Jumlah	204	100.0

Peratus Milikan Saham Perniagaan

Seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4 majoriti responden (64.2%) memiliki lebih 75% saham perniagaan, diikuti 20.1% responden yang memiliki 25 hingga 50% saham perniagaan. Sebilangan kecil responden iaitu 4.9% memiliki 50 hingga 75% saham perniagaan. Ini menggambarkan bahawa kebanyakan responden memiliki lebih daripada 75% saham perniagaan dan sebilangan kecil memiliki 50 hingga 75% saham perniagaan. 129 responden (63.2%) melaporkan memiliki 100% saham perniagaan mereka.

Jadual 4: Peratus Milikan Saham Perniagaan

	Frekuensi	Peratus
Bawah 25%	22	10.8
25% hingga 50%	41	20.1
50% hingga 75%	10	4.9
Lebih 75%	131	64.2
Jumlah	204	100

Bilangan Pemegang Saham Perniagaan

Seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5 majoriti daripada responden (64.7%) adalah pemilik tunggal perniagaan, diikuti 13.7% responden yang melaporkan mempunyai 2 pemegang saham perniagaan. Sebilangan kecil perniagaan responden iaitu 0.5% dimiliki oleh 8 pemegang saham. Ini menggambarkan bahawa kebanyakan perniagaan responden mempunyai potensi untuk berkembang dengan lebih maju sekiranya menambah bilangan pemegang saham. Kajian telah membuktikan bahawa perniagaan yang dimiliki oleh lebih daripada seorang pemilik lebih berjaya berbanding dengan perniagaan yang dimiliki oleh seorang pemilik sahaja.

Jadual 5: Bilangan Pemegang Saham Perniagaan

Bilangan Pemegang Saham	Frekuensi	Peratus
1	132	64.7
2	28	13.7
3	26	12.7
4	6	2.9
5	11	5.4
8	1	0.5
Jumlah	204	100.0

Tahun Memulakan Perniagaan

Maklumat kajian dalam Jadual 6 berikut menunjukkan bahawa majoriti responden iaitu 44.6% memulakan aktiviti perniagaan mereka selepas tahun 2011, diikuti 23.5% yang memulakan aktiviti perniagaan mereka dari tahun 2006 hingga 2010 dan 22.5% sebelum tahun 2000. Sebilangan kecil daripada responden (9.3%) memulakan perniagaan dari tahun 2001 ke 2005. Ini menunjukkan kebanyakan responden memulakan perniagaan mereka selepas tahun 2011 dan tahun paling kurang memulakan perniagaan mereka adalah antara tahun 2001 ke 2005.

Jadual 6: Tahun Memulakan Perniagaan

	Frekuensi	Peratus
Sebelum 2000	46	22.5
2001 hingga 2005	19	9.3
2006 hingga 2010	48	23.5
Selepas 2011	91	44.6
Jumlah	204	100.0

Aktiviti Utama Perniagaan

Analisis data dalam Jadual 7 menunjukkan bahawa aktiviti utama perniagaan responden adalah perkhidmatan (69.1%). Pembuatan merupakan aktiviti perniagaan kedua responden (19.1%), diikuti perdagangan sebanyak 11.3% dan aktiviti utama perniagaan yang paling kurang iaitu pertanian sebanyak (0.5%). Ini menggambarkan bahawa perkhidmatan merupakan aktiviti utama perniagaan responden dan pertanian merupakan aktiviti paling kurang sekali.

Jadual 7: Aktiviti Utama Perniagaan

	Frekuensi	Peratus
Pembuatan	39	19.1
Perdagangan	23	11.3
Perkhidmatan	141	69.1
Pertanian	1	0.5
Jumlah	204	100.0

Tahap Kemahiran Pekerja

Dari segi tahap kemahiran pekerja seperti dalam Jadual 8 majoriti responden berada dalam tahap mahir (48%), diikuti 20.6% dalam separuh mahir dan 16.7% tidak mahir. Hanya 14.7% berada pada tahap kemahiran profesional. Ini menunjukkan majoriti daripada tahap kemahiran pekerja adalah mahir dan paling kurang dalam tahap profesional.

Tahap kemahiran tenaga mahir bermaksud seorang yang terlatih dan berkebolehan mengerjakan sesuatu pekerjaan dengan cekap serta lancar (Bakhri, 2008). Hasil analisis mendapati majoriti responden mempunyai tahap kemahiran mahir. Ini adalah sejajar dengan hasrat kerajaan yang memerlukan tenaga kerja mahir ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020 (Borneo Post, 2015). Bukan itu sahaja, di dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (2010-2015), kerajaan mensasarkan 33% tenaga kerja adalah dalam tahap berkemahiran tinggi menjelang tahun 2015, dan 50% menjelang 2020. Dengan itu, keperluan meningkatkan keupayaan dan kemahiran sedia ada adalah penting bagi memastikan status negara maju tercapai (RMK10). Kajian ini memberi indikasi bahawa sebagai usahawan belia yang juga mengendalikan operasi perniagaan sendiri atau owner-manager mereka perlu meningkatkan tahap kemahiran sedia ada bagi memastikan berlakunya transformasi dalam perniagaan.

Jadual 8: Tahap Kemahiran Pekerja

	Frekuensi	Peratus
Mahir	98	48.0
Profesional	30	14.7
Separuh Mahir	42	20.6
Tidak Mahir	34	16.7
Jumlah	204	100.0

Keupayaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Belia

Dapatan kajian seterusnya menunjukkan indikator keupayaan PKS belia daripada aspek meneroka peluang di pasaran baru, penggunaan ICT, aktiviti (R&D&C), serta tahap inovasi. Jadual 9 menunjukkan kawasan pasaran responden bagi keempat-empat kawasan adalah daripada lingkungan 2 hingga ke 68%. Peratusan yang paling tinggi adalah di peringkat daerah iaitu sebanyak 68.1%, diikuti peringkat negeri (20%) dan seluruh negara (10%). Pasaran eksport merupakan kawasan pasaran yang paling rendah iaitu 2% di antara keempat-empat kawasan pasaran PKS. Ini menunjukkan kawasan pasaran usahawan belia bumiputera masih boleh diperluaskan lagi daripada tertumpu di peringkat daerah sahaja hingga ke peringkat negeri dan seterusnya ke seluruh negara dan pasaran eksport.

Jadual 9: Kawasan Pasaran

	Frekuensi	Peratus
Daerah	139	68.1
Negeri	41	20.1
Pasaran Eksport	4	2
Seluruh Negara	20	9.8
Jumlah	204	100

Dapatan ini selari dengan landskap keseluruhan pasaran PKS yang mana sebahagian besar perniagaan PKS tertumpu dalam pasaran tempatan, walaupun PKS menyumbang 98.5% daripada perniagaan negara (Bernama, 2015). Datuk Dzulkifi Mahmud, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) melaporkan bahawa PKS menyumbang 19.9% daripada jumlah ekport, dan kerajaan mensasarkan peningkatan sebanyak 25% menjelang 2020 (Bernama, 2015). Oleh itu, kajian ini memberi indikasi bahawa PKS usahawan belia perlu mempertimbangkan untuk meluaskan pasaran mereka, bukan setakat tertumpu di peringkat daerah tetapi juga ke luar negara.

Keupayaan untuk Meneroka Peluang Pasaran Baru

Salah satu faktor yang mempengaruhi prestasi perniagaan PKS adalah keupayaan usahawan meneroka peluang pasaran. Namun, sebelum usahawan meneroka peluang, mereka perlu berupaya mengenal pasti peluang. Menurut De Koning dan Brown (2001), mengenal pasti peluang berkait rapat dengan orientasi keusahawanan. Ciri-ciri keusahawanan adalah menentukan objektif dan motivasi usahawan, seterusnya menentukan prestasi perniagaan. Termasuk ciri-ciri keusahawanan juga adalah seperti bersikap inovatif, proaktif, mengambil risiko, berdaya saing and berautonomi (Dess, Lumpkin & McFarlin, 2005). Ciri-ciri positif lain adalah pengetahuan mengenai pasaran, kemahiran pemasaran, kemahiran pengurusan, keupayaan mengenal pasti dan merebut peluang pasaran, ketekunan dan keinginan memajukan dan memotivasi diri. Dengan adanya ciri-ciri positif ini di dalam diri pengusaha, ia dapat memberikan kesan positif kepada perkembangan dan kemajuan perniagaan (Lee & Eric, 2001).

Jadual 10 di bawah menunjukkan ringkasan secara keseluruhan 7 item bagi dimensi keupayaan untuk meneroka peluang pasaran baru. Berdasarkan kepada jadual di bawah skor min yang paling tinggi adalah kesanggupan belia untuk menggunakan amalan perniagaan terbaik seperti penambakan berterusan, penanda aras, jalinan pakatan strategik dan kerjasama, persijilan, rangkaian perniagaan dan amalan pengurusan yang memfokuskan kepada pelanggan ($M = 3.81$). Manakala skor min yang paling rendah adalah kemampuan responden untuk menjadi 'anchor' bagi memasarkan produk ke pasaran eksport ($M = 2.33$). Walaupun skor min untuk kesanggupan belia menggunakan amalan perniagaan terbaik seperti penambakan berterusan, penanda aras, jalinan pakatan strategik dan kerjasama, persijilan, rangkaian perniagaan dan amalan pengurusan yang memfokuskan kepada pelanggan berada di tahap yang tinggi, pada keseluruhannya, keupayaan belia untuk meneroka peluang pasaran baru masih di tahap yang sederhana. Ini menunjukkan keupayaan belia untuk meneroka peluang pasaran baru perlu dipertingkatkan.

Jadual 10: Keupayaan Untuk Meneroka Pelang Pasaran Baru

Keupayaan untuk Meneroka Peluang Pasaran Baru	2.85
a. Keupayaan teknikal dan kewangan untuk merebut peluang di pasaran yang baru muncul (regionalisasi dan globalisasi)	2.97
b. Bersedia untuk memasuki pasaran eksport	2.42
c. Berkemampuan untuk menjadi <i>anchor</i> bagi memasarkan produk ke pasaran eksport	2.33
d. Bersedia untuk mewujudkan payung di bawah syarikat	3.27
e. Sanggup menggunapakai amalan perniagaan terbaik seperti penambahbaikan berterusan, penanda aras, jalinan pakatan strategik dan kerjasama, persijilan, rangkaian perniagaan dan amalan pengurusan yang memfokuskan kepada pelanggan	3.81
f. Institusi kewangan sanggup bersedia untuk menyediakan peruntukan kepada syarikat untuk memasukan produk ke luar negara	2.68
g. Telah menjalankan kajian pemarkasan dan kajian kemungkinan dan daya maju produk di pasaran luar negara	2.48

Keupayaan pemasaran adalah proses kompleks yang melibatkan penggabungan pengetahuan pasaran dan sumber organisasi bagi menjana nilai tambah. Keupayaan pemasaran adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan pasaran perniagaan, memberi nilai tambah kepada perniagaan dan menyesuaikan diri dengan keadaan pasaran yang berubah (Vorhies, 1998). Keupayaan pemasaran tercapai apabila pengusaha menggunakan pengetahuannya tentang pelanggan, pasaran, persekitaran dan pengalamannya, selain menggunakan sumber syarikat untuk menyelesaikan masalah perniagaan, menghasilkan nilai tambah bagi pelanggan syarikat dan untuk berdaya saing (Tsai & Shih, 2004; Vorhies, 1998). Dengan adanya keupayaan pemasaran, sesebuah syarikat PKS dapat berdaya saing, dan seterusnya meningkatkan kemajuan perniagaan.

Penggunaan ICT dan R&D&C

ICT merujuk kepada teknologi yang memberi akses kepada informasi melalui komunikasi. Menurut Nicol (2003), ICT boleh diklasifikasikan kepada teknologi maklumat, teknologi komunikasi dan teknologi rangkaian. Kemajuan ICT menjadi cabaran PKS untuk mengguna cara kerja baru dan meningkatkan kemahiran sedia ada bagi bersaing di pasaran tempatan dan global. Penggunaan ICT adalah cara penting bagi membolehkan perniagaan memenuhi keperluan, meningkatkan kualiti, produktiviti dan keberkesanan dalam aktiviti pengurusan perniagaan (Selamat, Jaffar & Kadir, 2013). Oleh itu, ICT telah memberi banyak kelebihan kepada pelbagai operasi perniagaan. Menurut Martin dan Matlay (2001) penggunaan ICT adalah penting untuk kelangsungan dan kemajuan perniagaan kecil. Kajian menunjukkan syarikat yang menggunakan ICT mempunyai kesan positif kepada prestasi perniagaan khususnya dari segi produktiviti. Sebagai contoh, penggunaan e-mail, e-Dagang dan sosial media telah mengurangkan penghantaran fizikal seperti surat menyurat, perbankan, pengiklanan dan pembelian (Ollo-Lopez & Aramendia-Muneta, 2012).

Kajian mendapati tahap teknologi pengeluaran rata-rata PKS belia menunjukkan skor min yang sederhana ($M = 2.84$). Ini bermaksud tahap belia dalam penggunaan teknologi pengeluaran produk secara automasi adalah sederhana. Justeru, tahap pengeluaran ini perlu dipertingkatkan lagi.

